

01/10/1998

Melaka hantar 4,000 wakil

MELAKA, Rabu - Seramai 4,000 ahli Pemuda Umno Melaka akan menyertai perhimpunan Perdana Pemuda Barisan Nasional (BN) di Stadium Nasional pada 10 Oktober ini.

Ketua Pemuda Umno Melaka, Nazari Adzim, berkata setiap Pemuda bahagian Jasin, Selandar, Batu Berendam, Alor Gajah dan Kota Melaka dirancang menghantar sekurang-kurangnya 800 orang.

Katanya, mereka yang akan menyertai perhimpunan itu adalah semua ahli jawatankuasa Pemuda bahagian serta cawangan di samping ahli pemuda di peringkat bawahan.

"Saya harap semua pemimpin pemuda Umno bahagian akan mengambil daya usaha menggalakkan ahli jawatankuasa serta ahli pemuda di peringkat cawangan untuk menyertai perhimpunan itu yang dirancang pada jam 2 petang," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, perhimpunan itu penting dihadiri semua peringkat kepimpinan pemuda supaya menerima terus maklumat daripada pucuk pimpinan parti mengenai isu politik semasa supaya mereka tidak salah tafsiran.

Katanya, kehadiran ramai di perhimpunan itu akan membuktikan lagi sokongan padu terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)